

22 JUN 2001

KPPKTMB MINTA KERAJAAN TIDAK PINGGIRKAN KEBAJIKAN ANGGOTA

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Kesatuan Pekerja-pekerja Keretapi Tanah Melayu Bhd (KPPKTMB) meminta kerajaan menimbangkan pemberian Bantuan Khas kepada kakitangan Keretapi Tanah Melayu Berhad seperti mana yang dinikmati oleh kakitangan awam.

Presiden KPPKTMB Abdul Razak Mohamed Hassan berkata Bantuan Khas itu dinikmati oleh kakitangan awam sempena Hari Raya Puasa lepas dengan pemberian separuh bulan gaji atau sekurang-kurangnya RM500.

Beliau berharap kerajaan menimbang perkara itu kerana KTMB adalah sebuah syarikat milik kerajaan.

Pemberian Bantuan Khas kepada 5,129 kakitangan KTMB, yang 93 peratus daripadanya berpendapatan rendah, tidak ketara jika dibandingkan dengan jumlah kakitangan awam seramai 880,000 orang, katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Menurutnya KPPKTMB telah menghantar surat rayuan berkaitan Bantuan Khas kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang kini memangku jawatan Menteri Kewangan, selain surat rayuan kepada Kementerian Kewangan pada 18 Dis tahun lepas.

Abdul Razak berkata dengan perakuan bahawa KTMB adalah syarikat milik kerajaan, kebajikan kakitangan KTMB adalah terletak di bahu kerajaan.

-- BERNAMA

FA AHH NAK